

# FIQH HALAL

Oleh: Nurul Atikah Poniran



**Halal** bermaksud sebarang perkara atau benda yang dibenarkan oleh syarak.



ALLAH SWT BERFIRMAN

**Allah SWT berfirman:**

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."

(Surah al-Baqarah, 2: 168)



**Kenapa haram** ???

**Haram** adalah yang dilarang oleh syarak seperti babi dan anjing.

**Allah SWT berfirman:**

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, bertenung nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keuntungan. Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) arak dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingati Allah dan sambahyang. Maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)"

(Surah al-Maidah 90-91)

## 11 PRINSIP HALAL DAN HARAM

**PRINSIP 1: ASAL SESUATU ADALAH HARUS**

**PRINSIP 2: NIAT BAIK TIDAK BOLEH MENGHALALKAN YANG HARAM**

**PRINSIP 10: SESUATU YANG HALAL TIDAK MEMERLUKAN YANG HARAM**

**PRINSIP 11: MEMBUAT HELAH TERHADAP SESUATU YANG HARAM, HUKUMNYA ADALAH HARAM**

**PRINSIP 6: PERATURAN HALAL DAN HARAM ADALAH BERSIFAT UMUM DAN MENYELURUH**

**PRINSIP 7: MENGHALALKAN DAN MENGHARAMKAN SESUATU ADALAH HAK ALLAH S.W.T.**

**PRINSIP 3: APA SAHAJA YANG MEMBAWA KEPADA HARAM ADALAH HARAM**

**PRINSIP 4: BERHATI-HATI DENGAN SYUBHAH BAGI MENDHINDARI PERKARA HARAM**

**PRINSIP 8: MENGHARAMKAN YANG HALAL DAN MENGHALALKAN YANG HARAM SAMA DENGAN SYIRIK**

**PRINSIP 9: MENGHARAMKAN SESUATU ADALAH SESUAI DENGAN KEBURUKAN DAN KEMUDARATAN**

Dalam buku al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, Yusuf al-Qardhawi telah menggariskan beberapa prinsip dalam penentuan halal dan haram. Al-Qardhawi menyatakan bahawa walaupun Islam telah menetapkan perkara-perkara yang haram dan melarang keras dari melakukannya, tetapi Islam juga tidak mengabaikan keperluan hidup dan kelemahan manusia, Islam mengambil kira keadaan darurat yang tidak boleh dihindari. Prinsip-prinsip ini telah digariskan oleh Yusuf al-Qardhawi secara jelas dan mudah untuk difahami bagi penentuan halal dan haram. ia juga menjadi panduan pada umat Islam tentang sesuatu perkara yang ditegah akan dibenarkan demi kemaslahatan manusia.

(Sumber: Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd. Jeffri Syed Jusfar & Mohd Anuar Ramli, Prinsip-prinsip Halal dan haram menurut Al-Qardhawi)

Berdasarkan prinsip halal dan haram yang pertama. Asal sesuatu itu adalah harus namun jika tiada yang haram dan tiada nas sahih yang menetapkan pengharamannya. Maka, umat islam menetapkan dasarnya bahawa semua barang dan manfaatnya adalah harus.

(Sumber: BAYAN UMMAS SIRI KE-75: PENAMAAN MAKANAN DAN MINUMAN: STATUS HALAL DAN HILNYA)

Oleh itu, sesuatu yang haram tidak mungkin boleh dihalalkan kecuali terdapat nas yang menyatakannya. Untuk isu penamaan sesuatu produk dengan nama yang halal meskipun produk tersebut adalah haram. Sebagai contoh adalah secara zatnya sesuatu yang memabukkan itu haram maka jika hilang sifat memabukkan itu maka hilang juga keharaman ke atasnya.

Secara kesimpulannya, penamaan sesuatu produk yang haram ke atas penjenamaan yang halal akan menyebabkan keraguan dan kemusykilan masyarakat dan kesannya buruk. Hal ini sama dengan menamakan sesuatu yang halal ke atas nama yang haram. Kesannya, masyarakat akan keliru status halal dan haram sesuatu produk tersebut. Oleh sebab itu, JAKIM mengambil langkah melarang menamakan sesuatu yang halal dengan yang haram dan melarang menamakan sesuatu yang haram dengan yang halal. Perkara seperti ini perlu dielakkan kerana mengambil kira maslahat dan adat masyarakat di Malaysia.

**ISU  
PENAMAAN  
PRODUK**